

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO'ONG CHONG SWEN

TARIKH : 6 MEI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 90

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah hasil daripada pengumuman yang dijalankan selepas setiap penangguhan tren dan sebagainya, memandangkan bahasa dan terma-terma yang dijelaskan kepada orang awam teramat teknikal dan tidak mudah difahami.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Libat urus oleh Bahagian Penguatkuasaan Rel, Agensi Pengangkutan Awam Darat (“APAD”) bersama semua operator kereta api pada Februari 2019 telah memaklumkan kehendak untuk membuat pengumuman dan laporan dalam bahasa yang mudah difahami dan tidak terlalu teknikal dan kini penggunaan bahasa yang mudah difahami semakin digunakan. Pengumuman bagi setiap gangguan perkhidmatan kereta api dibuat melalui media sosial agar pengguna maklum berkenaan gangguan tersebut.
2. Dalam pada masa yang sama, operator kereta api akan memaklumkan kepada Pusat Kawalan Kemalangan Kereta Api (*Train Accident Control Centre – TACC*), Bahagian Penguatkuasaan Rel, APAD berkenaan gangguan perkhidmatan untuk rekod. Laporan akan dihantar kepada Bahagian Penguatkuasaan Rel APAD berkenaan sebab, tindakan yang diambil terhadap gangguan perkhidmatan yang berlaku serta tempoh masa gangguan perkhidmatan.
3. Tindakan penguatkuasaan syarat lesen dan kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2018 (“Akta 715”) belum dijalankan memandangkan Bahagian Penguatkuasaan Rel APAD masih dalam proses untuk memperolehi kuasa sebagai Pegawai Pengangkutan Awam Darat di bawah Akta 715 dan hanya mempunyai enam (6) orang anggota ketika ini.

NO. SOALAN: 90

Sekian, terima kasih.